

WILAYAH **KU**

BIL 24 21 - 27 JUN 2019

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota



Penduduk Segambut Masjid dihantui banjir lumpur >8



Kemudahan untuk orang kelainan upaya diperluaskan

Ibu kota mesra OKU

PELBAGAI kemudahan mesra orang kelainan upaya (OKU) penglihatan seperti tactile, audio trafik, siar kaki dan panduan melintas jalan sedang ditambah baik dan dilaksanakan di ibu kota.

Langkah tersebut bukan sahaja rancak dijalankan di Brickfields, Kuala Lumpur yang menjadi lokasi tumpuan golongan tersebut malah diperluaskan ke kawasan lain di ibu negara.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, pelbagai usaha dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL) bagi memastikan golongan terbabit dapat berintegrasi dalam masyarakat selain mampu berdikari.

"Kita mahu Malaysia dikenali sebagai negara yang peduli dan prihatin terhadap golongan OKU dan maju dalam aspek bantuan yang disediakan kepada mereka," katanya pada Majlis Hari Raya Aidilfitri 2019 di Wisma Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB), Brickfields baru-baru ini.

LAPORAN PENUH DI MUKA 2

Cara galakkan golongan itu berinteraksi, mampu berdikari dalam masyarakat

Perluas kemudahan untuk OKU

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

KUALA LUMPUR – Kementerian Wilayah Persekutuan mahu Malaysia dikenali sebagai negara yang prihatin dan maju dalam aspek kemudahan serta bantuan kepada orang kelainan upaya (OKU) khususnya golongan cacat penglihatan.

Menterinya, Khalid Abd. Samad berkata, pada masa ini, pelbagai usaha dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memastikan golongan terbabit dapat berintegrasi dalam masyarakat selain mampu berdikari.

"Kita hendak supaya Malaysia dikenali sebagai negara yang peduli dan prihatin terhadap golongan OKU dan maju dalam aspek bantuan yang disediakan kepada mereka.

"Diharapkan supaya mereka tidak menganggap diri sebagai golongan yang tidak ada sumbangan kepada masyarakat dan sebagainya," katanya pada Majlis Hari Raya Aidilfitri 2019 di Wisma Persatuan Orang



KHALID (dua kiri) bersama **Zaizalnim** (kiri), beramah mesra dengan warga OKU penglihatan pada Majlis Hari Raya Aidilfitri 2019 anjuran MAB dan PERTIS di Wisma MAB Brickfields baru-baru ini.

Buta Malaysia (MAB), Brickfields di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut merupakan anjuran ber-

sama MAB, Kelab Kebajikan MAB dan Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis).

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Zaizalnim Zainun dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Mohd. Ajib Ismail.

Menurut Khalid, pada masa ini, pelbagai kemudahan mesra OKU penglihatan seperti tactile, audio trafik, siar kaki dan panduan melintas jalan sedang ditambah baik dan dilaksanakan di ibu kota.

Malah ujar beliau, apa jua kegiatan pembangunan yang boleh membantu golongan terbabit akan diberikan oleh pihak kementerian serta DBKL.

"Seperti mana yang mereka minta supaya Brickfields ini dikenali sebagai satu kawasan yang ramai OKU cacat penglihatan dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan pula, kita akan laksanakan. Ia bukan sahaja di Brickfields tetapi juga di kawasan lain," ujarnya.

Mengenai permintaan untuk diberikan keutamaan penyewaan rumah DBKL dan lesen buskers pula, Khalid menjelaskan, golongan terbabit akan diberikan keutamaan namun pada masa sama ia perlu diimbangi dengan keperluan lain seperti masyarakat biasa yang memerlukan kemudahan itu.

Pertis berpuas hati langkah baiki laluan untuk orang buta di Brickfields

KUALA LUMPUR – Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis) menyambut baik hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan mahu menjadikan Malaysia sebagai negara yang prihatin kepada orang kelainan upaya (OKU).

Pengurus Operasi Pertis,

Zamzuri Ghani berkata, pihaknya juga berpuas hati apabila kementerian bertindak pantas dalam membaiki beberapa laluan di Brickfields untuk golongan OKU cacat penglihatan selepas aduan dilakukan.

"Keprihatinan itu dijenamakan dalam bentuk tindakan. Kita nak

ada tindakan susulan terutamanya baik pulih kemudahan supaya memenuhi kriteria orang buta.

"Jalan yang dibaiki antaranya di Jalan Tun Sambathan, Jalan Thambi Pillai dan Jalan Padang Belia dibuat baru tetapi dari segi akses tak berapa selesa, jadi kita minta mereka baiki semula dan tindakan

telah dilaksanakan," katanya.

Dalam pada itu, Zamzuri turut mengharap agar aspek keselamatan ditingkatkan khususnya pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) diperbanyakkan di Brickfields yang merupakan bandar OKU cacat penglihatan.

"Saya pernah dilanggar kere-

ta semasa mahu melintas jalan sehingga tongkat bengkok disebabkan kenderaan tidak berhenti semasa lampu isyarat merah.

"Selain itu, terdapat segelintir penunggang yang meletakkan motosikal di atas laluan siar kaki dan mengganggu panduan untuk orang buta," katanya.

Bazar Ramadan Jalan Raja mudahkan Alam Flora urus sampah

PUTRAJAYA – Syarikat pengurusan sisa pepejal, Alam Flora Sdn. Bhd. mendapati langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memindahkan tapak Bazar Ramadan ke Jalan Raja, Kuala Lumpur sepanjang bulan Ramadan lalu berjaya menampilkan suasana yang lebih bersih berbanding ketika ia berada di Jalan Tuanku Abdul Rahman sebelum ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Datuk Mohd. Zain Hassan berkata, kedudukan bazar tersebut yang terletak di bersebelahan ikon negara iaitu Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka membolehkan kerja-kerja pembersihan dilakukan secara tersusun.

"Dahulu ketika di Jalan TAR kita terpaksa mengambil masa selama tiga untuk melakukan kerja-kerja pembersihan kerana selepas Hari Raya Aidilfitri pun masih ada peniaga beroperasi, ini mendatangkan masalah.

"Namun di Jalan Raja kita dapat selesai pada awal lagi, jadi sebelum tengah hari sudah selesai dan bersih. Ini kerana tempat-

nya lebih tersusun dan terkawal," katanya kepada pemberita selepas Majlis Aidilfitri Kumpulan Alam Flora di sini baru-baru ini.

Mohd. Zain berkata, pihaknya mendapati apabila lokasi bazar tersebut ditempatkan di kawasan Dataran Merdeka yang menjadi tumpuan pelancong, ia membuatkan orang ramai lebih prihatin soal kebersihan.

"Kawasan bazar bukan lagi di lorong belakang macam dulu tetapi di bahagian hadapan. Malah saya lihat peniaga dan pengunjung sekarang lebih prihatin terhadap kepentingan kitar semula. Kita juga telah meletakkan tong sampah tong 3R on Wheel," katanya sambil menyatakan rasa bangga dengan peningkatan kesedaran orang ramai terhadap konsep kitar semula.

Sebelum ini Alam Flora dalam kenyataannya berkata, syarikat itu mencatatkan penurunan kutipan sisa pepejal sebanyak 9,000 tan metrik sehingga 25 Ramadan lalu berbanding tahun lepas di tiga kawasan konsesinya di Putrajaya, Kuala Lumpur dan Pahang.



MOHD. ZAIN (tengah) beramah mesra dengan para tetamu pada Majlis Aidilfitri Alam Flora di Putrajaya baru-baru ini.



Nadhirah sehati dengan futsal

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

MINAT yang disemai sejak dari kecil oleh ayahnya dengan sukan bola sepak menjadi galakan kepada gadis ini untuk menceburkan diri dalam sukan futsal.

Nadhirah Azmi, 26, tahun yang berasal dari Putrajaya berkata, bermain futsal kini menjadi sebahagian daripada kehidupannya dan sering menyertai perlawanan persahabatan yang dianjurkan pelbagai pihak.

"Sejak menuntut di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2011, saya mula berjinak dalam futsal dan seterusnya membentuk pasukan futsal wanita UiTM Kampus Lendu, Melaka.

"Kami dilatih seramai lapan orang sepasukan dan saya bermain di posisi pertahanan untuk beraksi di Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA) dan berjaya



mendapat tempat ketiga," katanya ketika ditemui Wilayahku baru-baru ini.

Nadhirah berkata, pada mulanya dia tidak menyedari mempunyai bakat dalam futsal namun selepas sering menyertai sesi latihan semasa belajar dahulu, kini sukan itu sudah sehati dalam dirinya.

"Jurulatih pernah mengarahkan saya bermain di semua posisi sehinggalah posisi terakhir sebagai pemain pertahanan menjadi kegemaran saya," katanya.

Menurut Nadhirah, kemahirannya bermain futsal berjaya menarik perhatian beberapa pasukan termasuk membabitkan agensi kerajaan untuk memilihnya beraksi bersama pasukan mereka.

"Terbaharu saya bermain mewakili pasukan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) dalam Piala Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada April lalu," katanya.

Katanya lagi, dalam perlawanan tersebut, MED menjadi pasukan 'underdog' dan terpaksa berentap dengan pasukan dari Kementerian Kewangan (MOF).

"Pemain yang mewakili MOF terdiri daripada pemain-pemain bertaraf kebangsaan dan sukar juga kami mengalahkan mereka," katanya.

Adat bersukan pasti mengalami kecederaan apatah lagi dalam sukan futsal yang lasak. Situasi tersebut tidak terkecuali bagi Nadhirah yang pernah mengalami kecederaan Medial Collateral Ligament (MCL) membabitkan ligamen dan lutut pada tahun 2013.

"Selama setahun saya menanggung derita akibat kecederaan lutut sehinggalah pada tahun 2014 saya terpaksa 'menyerah diri' untuk menjalani pembedahan. Sebelum itu saya melakukan rawatan fisioterapi.

Jelas Nadhirah lagi, kecederaan itu menyebabkan dia terpaksa mengangut kasut bola selama setahun sebelum kembali pulih dan cergas sepenuhnya.

Menurut Nadhirah, sehingga kini, dia telah beraksi dalam hampir 80 perlawanan dalam pelbagai kejohanan futsal.

Nadhirah yang merupakan juruaudit di sebuah agensi kerajaan berkata, dia tidak meletakkan sebarang cita-cita untuk bermain di peringkat lebih tinggi.

"Ekoran kecederaan MCL yang pernah dialami, saya kini hanya bermain untuk memenuhi masa lapang di samping dapat bersukan," katanya.

Anak bongsu daripada empat beradik ini meminati pemain futsal wanita kebangsaan, Steffi Sidhu yang disifatkan antara pemain terbaik di negara ini.

"Kebetulan, Steffi Sidhu bermain di posisi pertahanan dan permainannya yang mantap dan tangkas, jadi saya sangat meminati gaya dan corak permainannya," katanya.

Pastikan matlamat keluarkan masyarakat daripada lingkaran asnaf tercapai

PPZ-MAIWP sasar kutipan RM1 bilion

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

BANGI – Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) menasaskan kutipan zakat berjumlah RM 1 bilion menjelang 2023.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), Datuk Seri Dr. Mujaheed Yusof berkata, sasaran itu sejajar dengan jumlah kutipan zakat yang direkodkan sehingga Jun tahun ini iaitu kira-kira RM300 juta.

"Sudah tentunya untuk mencapai target itu, kita akan lakukan 'out-reach' kepada mereka (bakal pembayar zakat) selain meningkatkan keyakinan kepada pembayar-pembayar zakat sedia ada dan yang berpotensi bahawa wang yang kita terima akan digunakan secara telus bagi me-

enuhi kehendak tujuh golongan asnaf.

"Lebih penting adalah ia selari dengan falsafah kita untuk mengeluarkan golongan terlibat daripada lingkaran asnaf. Daripada penerima mereka menjadi pembayar zakat," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Zakat Korporat 2019 di sini baru-baru ini.

Turut hadir Pengerusi PPZ-MAIWP, Datuk Che Mat Che Ali; Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Ahmad Shukri Yusoff.

Terdahulu pada majlis tersebut PPZ-MAIWP menerima bayaran Zakat Perniagaan berjumlah RM26.08 juta daripada 15 syarikat korporat.

Pada tahun ini PPZ-MAIWP menasaskan kutipan zakat sebanyak RM710 juta.



MUJAHID (bealkang enam dari kanan) bergambar bersama wakil syarikat-syarikat korporat yang membayar zakat perniagaan berjumlah RM 26,081 juta pada Majlis Zakat Korporat 2019 di Bangi baru-baru ini.